

Headline : Unit Salcon peroleh kontrak pembinaan bernilai RM209.95 juta daripada PAAB
News Source : Bernama, <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2123157>
Date : 23 September 2022 (Friday)

:spaniol தமிழ்

BERNAMA.com

Unit Salcon peroleh kontrak pembinaan bernilai RM209.95 juta daripada PAAB



KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Salcon Engineering Bhd, anak syarikat milik penuh Salcon Bhd memperoleh kontrak pembinaan bernilai RM209.95 juta daripada Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB).

Salcon dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini berkata kontrak itu adalah untuk mereka bentuk dan membina sistem pengangkutan dan pelupusan sisa bagi Loji Rawatan Air Langat 2 yang termasuk konveyor paip sepanjang kira-kira 2,000 meter daripada loji itu ke tempat pembuangan sisa dekat Takungan Pengimbangan Bukit Enggang.

Projek itu membentuk sebahagian daripada cadangan pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Penyeliratan Air di Selangor/Kuala Lumpur.

"Projek itu akan bermula pada 4 Okt, 2022 bagi tempoh 22 bulan dan dijangka selesai pada 3 Jan, 2025," katanya.

Menurut syarikat itu, projek tersebut dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan dan aset bersih kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2024 dan 31 Dis, 2025.

-- BERNAMA